

BELUM : IMAJAN SIMBOLIK

PENGARANG  
FAZILLAH AALIMIN  
90270346

KAJIAN SENI REKA TEKSTIL  
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
1994

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum

Bersyukur kehadrat Allah SWT, diatas segala limpah kurniaannya, saya berjaya menghasilkan sebuah tesis sebagai memenuhi kehendak Diploma Kajian Seni Lukis dan Seni Reka.

Di dalam kajian serta penulisan tesis ini, saya merasa bertuah dapat mengkaji, memahami dan mempelajari tatacara budaya, tradisi dan falsafah kehidupan masyarakat dari Malaysia Timur iaitu kaum Melanau di Sarawak. Apa yang cuba ditampilkkan disini adalah pegangan budaya tradisional yang masih sebatи dan diamalkan oleh segolongan masyarakat ini.

Dalam menjayakan tesis ini saya telah mendapat bantuan dari pihak-pihak tertentu. Sehubungan dengan itu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat iaitu Puan Zaleha Zainuddin selaku penasihat, Kak Ida, Kak Ayu, Minan dan keluarga tercinta.

## **SIMOPSIS**

Ada pun terhasilnya tesis ini adalah bertujuan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka, tetapi lantaran minat yang mendalam terhadap negeri Sarawak telah mendorong saya memilih Patung "Belum" sebagai bahan kajian.

Merujuk kepada tajuk tesis ini iaitu "BELUM : IMAJAN SIMBOLIK" adalah bertujuan untuk mengenali dan memperkenalkan Seni ukiran masyarakat Melanau di Sarawak.

Terdapat pelbagai jenis ukiran di Sarawak lantaran pelbagai suku kaum dan kebudayaannya. Seni ukiran di Sarawak amat berbeza berbanding dengan ukiran Semenanjung terutama dari aspek rupa, bentuk dan kegunaanya. Dengan sendirinya kita dapat mengenal pasti sesuatu ukiran itu kerana ianya mempunyai identiti dan merupakan cermin diri.

Seni ukiran di Sarawak bukan sahaja dilihat melalui aspek kecantikan semata-mata, akan tetapi lebih dari itu di mana ianya membawa pengertian penuh simbolik. Di sebalik keindahan itu tersimpan pelbagai rahsia yang akan dihuraikan melalui kajian ini.

Di dalam penulisan tesis ini saya menggunakan kaedah interpretasi. Kajian ini adalah mengenai peranan, imej-imej yang terdapat pada patung 'Belum'. Disini dapat dijelaskan antara perbezaan bentuk imej yang membawa kepada peranan patung 'Belum'. Pengaruhnya juga diambil kira kerana ia merupakan faktor penting didalam penciptaan dan teori seni Frederick Antal yang mengatakan bahawa aspek sosial kehidupan sesuatu masyarakat, sejarah dan pengkarya merupakan faktor-faktor di dalam penghasilan karya seni dapat dibuktikan kerana penciptaan imej-imej patung 'Belum' berlandaskan aspek kehidupan khususnya tujuan ritual dan spiritual masyarakat Melanau.

Didalam kajian ini saya menumpukan peranan imej-imej pada patung 'Belum'. Patung 'Belum' merupakan ukiran imej-imej figura manusia (berdasarkan mitos) yang telah digayakan. Imej-imej pada patung 'Belum' menerangkan apakah penjenisannya dan peranannya. Ianya bukan sahaja sebagai suatu alat bagi upacara ritual dan spiritual tetapi juga merupakan hasil seni yang berharga. Patung 'Belum' merupakan lambang kesenian masyarakat Melanau. Ianya memperlihatkan ciri-ciri ekspressif dan imaginatif. Kewujudannya adalah kerana amalan 'shamanistik' iaitu suatu cabang anismisma.

**JADUAL ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

---

	HALAMAN
1. Halaman Pemeriksa	1
2. Penghargaan	2 . 3
3. Sinopsis	4 . 6
4. Jadual Isi Kandungan	7 . 9
5. Senarai Fotostat, Illustrasi, Sisipan	10 . 17
6. Pendahuluan	18 . 19
7. Pengenalan	20 . 21
8. Bab 1 Latar Belakang Kajian	
1.1 Tujuan	22 . 23
1.2 Skop Kajian	24 . 25
1.3 Kaedah-Kaedah Pengkajian	26 . 27
1.4 Masalah Dan Kelemahan	28
1.5 Kaedah Dan Teknik Penganalisaan	29
1.6 Definasi	30 . 32
9. Bab 2	
2.1 Seni Dalam Kehidupan Masyarakat Primitif	33 . 35
2.2 Seni Sebagai Keperluan Masyarakat	36 . 42
2.3 Fungsi Seni Primitif	42 . 43
2.4 Hubungan Seni Dan Masyarakat	43 . 44